

13/07/1998

Pengkorporatan selamatkan LKIM

Nik Yahya Ab Rahman

BARU-BARU ini pada suatu majlis membabitkan nelayan di Melaka, Ketua Pengarah Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Mohd Anis Ajmal Mohd menegaskan LKIM akan dikorporatkan sedikit masa lagi. Menurutnya, dengan pengkorporatan itu, LKIM akan lebih berkesan dalam melaksanakan pembangunan ekonomi dan sosial kepada kumpulan sasarnya iaitu nelayan yang berjumlah kira-kira 82,000 orang di seluruh negara.

Mohd Anis menegaskan pengkorporatan bukan bererti kerajaan menutup agensi berkenaan yang berjaya menjalankan fungsi memajukan nelayan sejak 1971.

Namun, ini mengembalikan ingatan kepada cadangan Pengerusi Angkatan Koperasi Kebangsaan (Angkasa), Prof Diraja Ungku Aziz pada 1985 pada suatu majlis anjuran badan itu, supaya LKIM ditutup. Bagi Ungku Aziz, LKIM seperti Majuternak yang gagal berfungsi seperti diharapkan.

Cadangan itu mungkin didorong perasaan kasih dan prihatin Ungku Aziz kepada nasib Syarikat Kerjasama Nelayan (SKN) yang dinaungi Angkasa.

Ekoran cadangan Ungku Aziz pada 1985 itu, penulis bebas Shamsuri Jusoh menggariskan beberapa kegagalan LKIM termasuk projek Syarikat Pemasaran Ikan Malaysia (Spim), projek pukut tunda, projek kedai runcit nelayan dan projek skim sewa beli bot.

Segala yang dilaporkan Shamsuri meleset, tetapi pengurusan LKIM ketika itu teragamam juga dengan dakwaan itu. Namun, LKIM bernasib baik kerana Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika berucap merasmikan Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN) Kuala Pahang pada tahun yang sama menjelaskan, LKIM tidak wajar ditutup kerana agensi itu berjaya mengubah nasib masyarakat nelayan.

Pada 1986, LKIM dilaporkan kehilangan RM40 juta akibat kecuaiian pengurusan kewangannya. Sekali lagi LKIM menjadi gawat, sehingga Ketua Pengarah LKIM ketika itu, Khalil Hassan terpaksa menjawab pelbagai tohmahan secara berani dan rasional kepada media massa, orang ramai dan masyarakat nelayan.

Jika dilihat kepada sejarah LKIM dan program pembangunannya, ahli Persatuan Nelayan Kebangsaan (PNK) adalah sasaran utama LKIM, selain keluarga nelayan.

Perkembangan PNK pula cukup jelas dan diasaskan kepada Akta Persatuan Nelayan, 1971 (Akta 44). Sehingga 31 Disember 1996, 82 Persatuan Nelayan (PN) ditubuhkan (70 PNK, 11 Persatuan Nelayan Negeri (PNN) dan sebuah PNK/Nekmat) dengan keahliannya seramai 52,191 orang.

Antara projek ekonomi PNK, PNN dan Nekmat ialah Pembekalan input perikanan seperti minyak diesel dan air batu, aktiviti pemasaran ikan, projek agrotorism, kedai runcit, pengangkutan, kontrak/tender dan projek pemasaran kecil yang lain (bekalan gas memasak dan khidmat di kompleks pendaratan ikan).

Selepas mengharungi pelbagai rintangan, dugaan dan pahit maung selama 26 tahun, LKIM terbukti berfungsi mengubah taraf hidup nelayan melalui program perikanan laut dalam, pemasaran, pembangunan masyarakat nelayan dan akuakultur.

Melalui kerjasama erat Jabatan Perikanan, Bank Pertanian Malaysia (BPM), Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), peratus kemiskinan nelayan menurun iaitu pada 1970 (73.2 peratus), 1976 (62.7 peratus), 1980 (48.3 peratus), 1984 (26.1 peratus), 1987 (24.5 peratus), 1992 (17.9 peratus) dan 1995

(11.8 peratus).

Sesungguhnya, pengkorporatan LKIM dialu-alukan lebih 1,200 warga pekerjaanya biarpun ada di antara mereka terpaksa memilih sama ada bersara awal, kekal di PNK/PNN/Nekmat/Koperasi Pelaburan Nelayan (M) Berhad/Majuikan Sdn Bhd.

Tidak ada sesiapa yang memaksa mereka memilih untuk bersara awal. Namun mereka yang memilih untuk bersama-sama badan yang bakal menggantikan LKIM (selepas dikorporatkan), perlu bersedia dengan dunia yang lebih mencabar.

Ketika itu, LKIM memerlukan pekerja yang komited terhadap tugasnya yang akan menjana kepada pendapatan badan itu, sekaligus memberikan sokongan yang berlipat kali ganda kepada nelayan. Anjakan paradigma dan reformasi sektor perikanan perlu dilakukan secara serius selari dengan hasrat Dasar Pertanian Negara (DPN3) 1997-2010.

Antara yang sesuai dilakukan oleh Pengurusan Tertinggi LKIM (mungkin nama lain selepas dikorporatkan) ialah:

- * Suatu usaha bersepadu yang lebih sistematik bersesuaian dengan teknologi moden berasaskan teknologi maklumat berkomputer secara menyeluruh;

- * Melaksanakan konsep bekerja berlandaskan prinsip majikan dan pekerja yang seiring, komited, rajin serta berdisiplin;

- * Menetapkan keahlian PN kepada mereka yang benar-benar berhak iaitu pemilik syarikat, pengusaha dan pemilik bot saja;

- * Mengkaji kembali fungsi PN/PNN/Nekmat ke arah lebih kukuh dan mapan yang menjurus kepada pertubuhan mengikut aktiviti dalam industri perikanan;

- * Menjadikan bidang perikanan sebagai industri global, berdaya maju dan seiring dengan badan korporat di bidang lain - berjaya menjana kepada pertumbuhan ekonomi negara yang lebih agresif;

- * Lebih berani bersaing dan membuat pelaburan yang lebih besar ke arah industri perikanan laut dalam yang termoden, mapan dan pragmatik menyaingi nelayan di negara maju seperti Norway, Denmark dan Kanada;

- * Penekanan kepada pelaksanaan resolusi/hasil kajian Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) yang dilakukan oleh pihak Institut Penyelidikan Pembangunan Pertanian Malaysia (Mardi) dan pusat pengajian tinggi tempatan yang terbukti berkesan;

- * Pengurusan kompleks pendaratan ikan, pintu masuk utama ikan, pasar borong tani secara lebih sistematik dengan ekuiti yang menguntungkan;

- * Menggerak dan memperkasakan usahawan nelayan ke arah menjayakan program industri kecil dan sederhana (IKS) secara berterusan dan menyeluruh;

- * Sentiasa berusaha menepati piawaian (ISO 9000) dan Akta Makanan 1987 dalam pengeluaran produk berasaskan ikan dengan mutu dan pengendalian yang bersih, kemas, tahan lama dan selamat di makan dan;

- * Memastikan segala perundangan negara dipatuhi dengan teliti dan tepat supaya penyelewengan tidak berlaku baik di kalangan warga pekerja dan rakan kongsi syarikat.

(END)